

## PERSIDANGAN PEKEBUN KECIL SAWIT KEBANGSAAN 2014



YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri MPIC menyampaikan ucapan perasmian pada Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014.

### KANDUNGAN

- Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Sudut Teknologi 4
- Kuiz Sawit 7
- Kenalilah... 9
- Sudut Kreatif Sawit 11
- Sedutan Akhbar 12
- Sembang Sawit 13
- Tahukah Anda? 14
- Diari & Peristiwa 15
- Berita Bergambar 18
- Sudut Ekonomi 20
- Peladang Jaya 22
- Direktori MPOB 23
- Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC) 27



Lebih 500 peserta yang terdiri daripada pekebun kecil, para pegawai dari pelbagai agensi pengembangan serta sektor swasta yang terlibat dalam industri sawit khususnya sektor pekebun kecil dari seluruh negara telah menyertai Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014. Persidangan ini telah berlangsung di Hotel Kingwood, Sibu, Sarawak pada 11 hingga 12 Ogos 2014 dengan jayanya, bertemakan 'Amalan Berubah Hasil Bertambah'.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Dalam ucapan perasmianya, beliau menyatakan bahawa persidangan yang dianjurkan dua tahun sekali itu menyediakan ruang interaksi kepada pekebun kecil sawit untuk berkongsi maklumat terkini mengenai Amalan Pertanian Baik dan pendedahan kepada teknologi baru. Usaha ini sejajar dengan Program Transformasi Ekonomi untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi sektor sawit bagi menjana pendapatan negara.

Menurut beliau juga, sebagai agensi penyelidikan, MPOB telah menghasilkan teknologi baru meliputi pelbagai aspek termasuk integrasi tanaman dan ternakan di ladang sawit, teknik kawalan penyakit reput pangkal batang, *Ganoderma* dan teknologi penanaman sawit di tanah gambut. Beliau meminta peserta memanfaatkan pengetahuan tentang Amalan Pertanian Baik dan penggunaan

*Bersambung ke muka surat 2*

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak menyatakan sokongan MPOB.



## Sidang Pengarang

PENASIHAT  
Datuk Dr Choo Yuen May

PENGERUSI  
Dr Ahmad Kushairi Din

TIMBALAN PENERUSI  
Hj Wahid Omar

KETUA PENYUNTING  
Hj Hamdan Abu Bakar

PENYUNTING  
Dr Norman Kamarudin  
Hj Zulkifli Abd Manaf  
Dr Siti Ramlah Ahmad Ali  
Dr Ahmad Tarmizi Hashim  
Ab Aziz Md Yusof  
Raja Zulkifli Raja Omar  
Noor Asmawati Abd Samad  
M. Ayatollah K Ab Rahman  
Abdullah Hashim

SETIAUSAHA  
Nur Hanani Mansor

Sambungan dari muka surat 1

teknologi baru penanaman sawit oleh MPOB melalui sesi pembentangan Persidangan yang disampaikan oleh penceramah yang berpengalaman dalam bidang agronomi sawit.

Beliau menasihati pekebun kecil supaya mengamalkan Amalan Pertanian Baik yang disyorkan MPOB. Ini termasuk penggunaan jenis baja berdasarkan umur pokok dan mengikut jadual yang ditetapkan. MPOB juga telah mencipta mesin penuai buah sawit bermotor yang dikenali *Cantas* yang berupaya meningkatkan kecekapan penuaian buah tandan segar (BTS) hampir dua kali ganda. Hasil kajian MPOB mendapati dengan menggunakan *Cantas*, seorang pekerja boleh menuai sehingga 3.2 t BTS berbanding 1.8 t tandan secara manual. Beliau juga menambah sebagai galakan, kerajaan menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk diskaun RM 1000 untuk setiap unit *Cantas* yang dibeli pekebun kecil.

YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas juga memaklumkan bagi terus membantu pekebun kecil meningkatkan produktiviti dan pendapa-

Bersambung ke muka surat 3



## DARI MEJA

### KETUA PENYUNTING

Setiap dua tahun sekali Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan menganjurkan Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit. Tujuan utama persidangan ini ialah untuk menyampaikan teknologi terkini tanaman sawit kepada penanam sawit terutamanya pekebun kecil. Persidangan ini juga memberi peluang kepada penanam sawit berbincang sesama mereka serta bertukar pendapat bagi memajukan tanaman sawit mereka. Pada tahun ini, Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit diadakan pada 11 hingga 12 Ogos 2014 di Hotel Kingwood, Sibul, Sarawak dengan tema 'Amalan Berubah Hasil Bertambah'. Pemilihan tema ini bagi memberi kesedaran kepada pekebun kecil untuk merubah mengamalkan amalan pengurusan kebun yang lebih baik dan sikap yang positif dalam usaha meningkatkan produktiviti sawit negara.

Kerajaan telah memilih industri sawit untuk dijadikan sektor yang lebih dinamik dan kompetitif pada masa akan datang melalui proses perubahan atau transformasi. Bagaimanapun faktor yang amat penting untuk mencapai matlamat peningkatan produktiviti pekebun kecil terletak di bahu pekebun kecil sendiri. Ia banyak bergantung kepada sikap dan daya usaha yang telah dan akan dilaksanakan. Berjaya atau gagalnya pencapaian hasrat tersebut memerlukan komitmen yang tinggi dan aktif daripada pengusaha termasuk golongan pekebun kecil.

Selain daripada mengamalkan pertanian baik dan menggunakan teknologi baru dalam pengurusan sawit bagi meningkatkan pengeluaran hasil sawit berkualiti dan meraih pendapatan lumayan, pekebun kecil digalakkan menubuhkan koperasi atau menjadi ahli koperasi sedia ada di kawasan Kelompok Minyak Sawit Mampan (Sustainable Palm Oil Cluster - SPOC) masing-masing. Melalui koperasi, pekebun kecil dapat menjual buah tandan segar (BTS) secara terus ke kilang sawit yang memberi harga yang lebih tinggi berbanding harga jualan kepada peniaga persendirian.

Sektor pekebun kecil sawit terus menerima peruntukan bagi bantuan tanam semula dan tanam baru. YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dalam pembentangan Bajet 2015 telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM 41 juta sebagai insentif kerajaan bagi membantu pekebun kecil yang ingin menanam semula pokok sawit tua dan memulakan tanaman sawit. Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sawit, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM 930 juta bagi tempoh 2011 hingga 2014 kepada pekebun kecil menanam

Bersambung ke muka surat 3

Sambungan dari muka surat 2

sawit dengan bahan tanaman bermutu bagi menjamin hasil sawit yang tinggi. Pekebun kecil diminta agar tidak melepaskan peluang untuk memohon insentif yang diberikan oleh kerajaan ini. Bagi pekebun kecil yang mengusahakan tanaman semula dan tanam baru, mereka boleh mendapatkan khidmat nasihat mengenai penanaman sawit yang dapat mengeluarkan hasil yang tinggi melalui Pegawai Pengembangan MPOB atau lebih dikenali dengan Pegawai TUNAS (Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit).

Sudut Teknologi kali ini membincangkan teknik kawalan penyakit reput pangkal batang oleh serangan kulat Ganoderma yang boleh menggugat industri sawit negara. Satu pelan Pengurusan Ganoderma Bersepadu (Integrated Ganoderma Management) telah dirangka dalam usaha menangani dan mengawal penyakit Ganoderma sawit. Strategi pengurusan Ganoderma telah berkembang daripada penggunaan agen kawalan biologi (kulat Trikofit, mikoriza, bakteria endofitik, kulat endofitik dan aktinomiset) sebagai komponen utama. MPOB juga telah berjaya mengenal pasti beberapa spesies kulat endofitik yang boleh digunakan sebagai agen kawalan biologi Ganoderma. MPOB dan All Cosmos Industries Sdn Bhd telah bekerjasama dan berjaya menghasilkan formula bio-organik GanoEF (GanoEF biofertiliser) yang mengandungi kulat endofitik, *Hendersonia GanoEF1* sebagai bahan aktif yang diadun bersama baja organik dan bukan organik. Kaedah ini juga lebih murah, selamat digunakan, tiada kesan sampingan dan mesra alam.

Sambungan dari muka surat 2

tan, kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan dan insentif. Antaranya ialah Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK); Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Diskaun *Cantas*. Beliau memaklumkan sebanyak RM 930 juta disediakan kerajaan untuk tempoh 2011 hingga 2014 untuk pelaksanaan skim TSSPK dan TBSPK.

Satu lagi pendekatan membantu pekebun kecil ialah melalui koperasi. Pekebun kecil digalakkan menubuhkan koperasi atau menjadi ahli koperasi sedia ada di kawasan Kelompok Minyak Sawit Mampan (*Sustainable Palm Oil Cluster - SPOC*) masing-masing. YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas memaklumkan kajian MPOB mendapati pekebun kecil yang menyertai koperasi berupaya mendapat bayaran harga BTS lebih tinggi antara 15% hingga 20% berbanding harga jualan kepada peniaga persendirian. Di samping itu, kerajaan juga telah meluluskan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia atau *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)* pada awal

tahun 2014. Langkah ini membolehkan Malaysia meningkatkan imej minyak sawit dari sudut kemampanan pengeluaran di pasaran dunia. "Bagi memastikan pensijilan minyak sawit mampan secara menyeluruh meliputi sektor pekebun kecil persendirian, kerajaan telah menyediakan RM 53 juta bagi membantu sektor pekebun kecil mendapat pensijilan mampan."



Pekebun kecil yang berjaya menerima anugerah bagi kategori masing-masing.

Sempena majlis perasmian persidangan kali ini, YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas telah melancarkan baja MPOB F6 untuk tanaman sawit dan menyampaikan Anugerah Industri Sawit bagi Kategori Pekebun Kecil Terbaik 2014 kepada pekebun kecil terbaik dari Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

Pada persidangan kali ini, sebanyak 19 kertas kerja dan satu kertas ucap terna dibentangkan dalam empat sesi iaitu i) Teknologi Baru: Asas Perubahan, ii) Transformasi Sikap: Asas Perubahan, iii) Program Pembangunan: Asas Perubahan dan iv) Pendekatan Keusahawanan Asas Perubahan.



Sumbangan:  
Nur Hanani Mansor  
(nurhanani@mpob.gov.my)

## SUDUT TEKNOLOGI

### FUNGSI AGEN KAWALAN BIOLOGI, KULAT ENDOFITIK UNTUK PENCEGAHAN PENYAKIT *Ganoderma* DALAM PENANAMAN SAWIT

#### Pengenalan

Tanaman sawit berisiko terdedah kepada ancaman penyakit. Di Malaysia, beberapa kejadian penyakit telah dilaporkan menyerang pokok sawit yang ditanam di ladang. Penyakit yang paling berbahaya sekali ialah penyakit reput pangkal batang (RPB) yang disebabkan oleh beberapa jenis kulat daripada spesies *Ganoderma*. Serangan penyakit *Ganoderma* boleh menggugat industri sawit, terutamanya apabila kejadian penyakit melebihi 30%.


Satu pelan Pengurusan *Ganoderma* Bersepadu (*Integrated Ganoderma Management*) telah dirangka sebagai salah satu langkah menangani dan mengawal penyakit *Ganoderma* sawit. Strategi pengurusan *Ganoderma* telah berkembang kepada penggunaan agen kawalan biologi sebagai komponen utama. Pembangunan agen kawalan biologi yang berpotensi seperti kulat *Trikoderma*, mikoriza, bakteria endofitik, kulat endofitik dan aktinomiset merupakan usaha yang baik dalam menangani masalah penyakit ini.

#### Penggunaan kulat endofitik sebagai agen kawalan biologi


Kawalan biologi bermaksud penggunaan mikroorganisma seperti bakteria atau kulat sebagai agen kawalan biologi yang berupaya mengawal populasi organisma berbahaya yang boleh menyebabkan penyakit dan kerosakan kepada tanaman tertentu. Secara umumnya, kulat endofitik merupakan mikroorganisma yang hidup di dalam tisu tumbuhan dan membiak tanpa menyebabkan sebarang kesan sampingan terhadap hosnya. Pembiakan kulat endofitik dalam tisu tumbuhan memberi manfaat kepada perumahannya dalam beberapa cara antaranya dengan menggalakkan pertumbuhan pokok, meningkatkan ketahanan pokok daripada tekanan persekitaran seperti cuaca, penyakit dan perlindungan daripada serangga.

Kajian menggunakan kulat endofitik sebagai agen kawalan biologi dalam merencat dan mengawal penyakit pada tanaman seperti pisang, tomato, koko dan lain-lain lagi telah mendapat perhatian dan sedang giat dijalankan. Dalam pen-

gawalan penyakit *Ganoderma* pada pokok sawit, MPOB telah berjaya menemui beberapa spesies kulat endofitik yang boleh digunakan sebagai agen kawalan biologi *Ganoderma*. Tiga pencilan kulat endofitik tersebut ialah *Hendersonia GanoEF1*, *Amphinema GanoEF2* dan *Phlebia GanoEF3* terbukti berpotensi tinggi untuk mengawal penyakit *Ganoderma* berdasarkan kajian makmal dan nurseri (Rajah 1). Kulat-kulat ini akan berkembang dan membiak dalam akar pokok sawit dan berupaya merencatkan pertumbuhan kulat *Ganoderma* pada pokok sawit. Ia bertindak sebagai penghalang di mana akan bersaing dengan kulat *Ganoderma* untuk mendapatkan sumber nutrien dan penggunaan ruang yang terdapat dalam sistem vaskular hos yang diperlukan untuk pertumbuhannya (Rajah 2).



Rajah 1. Kultur tulen tiga kulat endofitik: a) *Hendersonia GanoEF1*, b) *Amphinema GanoEF2* dan c) *Phlebia GanoEF3*.



Rajah 2. Pembiakan kulat endofitik *Hendersonia GanoEF1* (anak panah) dalam akar pokok sawit (pembesaran 20X).

#### Kejayaan pembiakan kulat endofiti

Dalam usaha menangani masalah serangan penyakit *Ganoderma*, MPOB dan All Cosmos Industries Sdn Bhd telah bekerjasama dan berjaya menghasilkan formulasi bio-organik GanoEF (*GanoEF biofertiliser*) untuk kawalan dan pencegahan penyakit *Ganoderma* sawit (Rajah 3). Produk ini mengandungi kulat endofitik, *Hendersonia GanoEF1* sebagai bahan aktif yang diadun bersama baja organik dan bukan organik.

Bersambung ke muka surat 5

Sambungan dari muka surat 4



Rajah 3. Produk bio-organik GanoEF.

Produk bio-organik GanoEF telah dibangunkan di kilang dan ujian keberkesanan produk dalam mengawal penyakit *Ganoderma* telah dijalankan oleh MPOB yang melibatkan analisis makmal di Ibu Pejabat MPOB dan penyaringan di tapak semaian MPOB. Ujian keberkesanan mendapati bio-organik GanoEF dapat mengurangkan kejadian penyakit *Ganoderma* seban-

yak 69.5%. Penggunaan formulasi bio-organik GanoEF di peringkat tapak semaian, semasa penanaman semula dan selepas penanaman sawit di ladang telah dipraktikkan secara konsisten oleh sektor swasta dan pekebun kecil.

### Kesimpulan

Penggunaan kulat endofitik sebagai agen kawalan biologi terhadap penyakit RPB yang disebabkan oleh kulat *Ganoderma* pada pokok sawit terbukti amat berkesan. Kaedah ini juga lebih murah, selamat digunakan, tiada kesan sampingan dan mesra alam. Hasil reka cipta produk bio-organik GanoEF ini juga boleh menyumbang secara positif ke arah pencegahan penyakit di mana ia dapat mengurangkan kejadian dan penyebaran penyakit *Ganoderma* di ladang sawit di samping dapat meningkatkan penghasilan minyak sawit.



Sumbangan:  
Nur Rashyeda Ramli  
(shyeda@mpob.gov.my)

## Sudut Renungan



“Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya; sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah. (Kamu diberitahu tentang itu) supaya kamu tidak bersedih hati akan apa yang telah luput daripada kamu, dan tidak pula bergembira (secara sombong dan bangga) dengan apa yang diberikan kepada kamu. Dan (ingatlah), Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri”.

(Surah Al-Hadid: 22-23)

## PERUNDING KHIDMAT NASIHAT LADANG DAN PEMBANGUNAN PERTANIAN



### KEKUATAN -

PANEL YANG BERPENGALAMAN LEBIH 30 TAHUN

#### 1. DALAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

- HJ ESNAN AB GHANI - MPOB
- DR. YUSOFF NOOR - LGM
- DR. MOHD ARIS JUNUS - MARDI

#### 2. DALAM INDUSTRI PERLADANGAN

- HJ. MUSA SALAMI - SIME DARBY
- HJ. ROSMAN - BOUSTEAD
- HJ. ZULKIFLI - ESPEK
- HJ. MD AZIZ ALI - ESPEK

### KATEGORI TANAMAN



KELAPA SAWIT



PADI



GETAH

**PROMOSI!!!**

**KHIDMAT NASIHAT  
LADANG  
PERCUMA\***

**PEMANTAUAN LADANG  
KEPADA PEKEBUN KECIL  
PERCUMA\***

\*Mengikut syarat dan terma



**HUBUNGI KAMI :**

TEL : 03-8927 5585/86

FAKS : 03-8927 5587

E MEL : [94tksb@gmail.com](mailto:94tksb@gmail.com)

FB: [teraju korporat sdn bhd](https://www.facebook.com/teraju.korporat.sdn.bhd)

WHATSAPPS : 012-759 0005

**TERAJU KORPORAT SDN BHD**

NO. 46A, JALAN MEDAN PUSAT 2C, SEKSYEN 9, 43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR

HUBUNGI KAMI : 012-759 0005(Yusdi) / 019-525 5736(Hamzah) / 016-223 5120(Haris)

DAFTAR SEBAGAI AHLI KELAB SAHABAT  
TANI - PERCUMA MELALUI WHATSAPPS

## ????????? **Kuiz Sawit** ??????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 100 sekiranya berjaya menjawab tiga soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

### Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **30 APRIL 2015**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar/faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit  
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620  
50720 Kuala Lumpur  
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan  
Faks: 03-8920 2932  
Emel: shuhadah@mpob.gov.my

**JANGAN  
LEPASKAN  
PELUANG  
MEMENANGI  
RM 100**

**SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN  
ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL. 58 (3)/SEPTEMBER-DISEMBER 2014**

1. Apakah tema Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014 yang telah diadakan pada 11-12 Ogos 2014?
  - a. Komoditi Mampan Menjamin Masa Depan
  - b. Amalan Berubah Ekonomi Bertambah
  - c. Amalan Berubah Hasil Bertambah
  - d. Komoditi Mampan Menjana Ekonomi Negara
2. Apakah manfaat pembiakan kulat endofitik dalam tisu tumbuhan?
  - i. Meningkatkan ketahanan pokok daripada tekanan persekitaran seperti cuaca
  - ii. Menggalakkan pertumbuhan pokok
  - iii. Perlindungan daripada serangga
  - iv. Meningkatkan daya tahan terhadap penyakit

*Bersambung ke muka surat 8*



Sambungan dari muka surat 7

- a. i, ii, iv
  - b. i, iii, iv
  - c. ii, iii, iv
  - d. semua di atas
3. Apakah penyakit utama yang menjadi ancaman kepada industri sawit?
- a. Penyakit reput perdu
  - b. Penyakit antraknos
  - c. Reput pangkal batang
  - d. Penyakit karat daun
4. Apakah denda/tindakan yang diterima oleh pemilik ladang sawit sekiranya mereka gagal dalam mengawal serangan ulat bungkus?
- a. Tiada tindakan diambil ke atas pemilik ladang sawit sekiranya mereka gagal dalam mengawal serangan ulat bungkus
  - b. Denda tidak melebihi RM 10 000
  - c. Dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun
  - d. Denda tidak melebihi RM 10 000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali
5. Nyatakan jentera yang digunakan oleh Tan Tang Seong untuk memindahkan dan mengangkut buah tandan segar (BTS).
- a. *Cantas*
  - b. Jengkaut
  - c. *Grabber*
  - d. Pengangkut panggul

Nama : \_\_\_\_\_  
No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
No. Telefon : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**TAHNIAH! PEMENANG KUIZ  
SAWIT BIL. 57(2)/MEI-OGOS 2014**

Nama Pemenang:  
i. Alan a/I Riyat  
ii. Irni Nadia bt. Nadzri  
iii. Rijal Aulia Abdillah b. Abu

**JAWAPAN KUIZ SAWIT BIL. 57(2)/  
MEI-OGOS 2014**

1. C  
2. D  
3. D  
4. C  
5. C

# KENALILAH... *GanoCare*<sup>TM</sup> – MENGURANGKAN RISIKO JANGKITAN *Ganoderma* PADA SAWIT


Reput pangkal batang (RPB) yang disebabkan oleh kulat *Ganoderma* spp. merupakan penyakit utama yang menjadi ancaman kepada industri sawit, termasuk pekebun kecil di Malaysia. Berdasarkan bancian terhadap pekebun kecil yang terlibat dengan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) sehingga Disember 2013, sebanyak 9287 pekebun kecil yang telah dilawati oleh pegawai MPOB dengan jumlah keluasan 34 068 ha, mendapati bahawa sebanyak 13.55% (1258 pekebun kecil) melibatkan 2745 ha kawasan tanaman sawit telah mengalami serangan penyakit *Ganoderma*. Peningkatan serangan penyakit ini akan terus bertambah sekiranya tiada langkah pencegahan dan kawalan penyakit ini dilakukan.

Melalui penyelidikan bersama MPOB dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya memperkenalkan teknologi *GanoCare*<sup>TM</sup> untuk pengawalan dan pencegahan penyakit *Ganoderma* sawit. Teknologi ini telah dilesenkan kepada FELCRA Plantation Services Sdn Bhd (FPSSB) untuk pengeluaran bagi keperluan industri dan pekebun kecil sawit. Terdapat dua jenis produk iaitu baja organik *GanoCare*<sup>TM</sup> (NRICH Organic *GanoCare*<sup>TM</sup>), serta baja campuran kimia berorganik atau dikenali sebagai NRICH OCSpecial *GanoCare*<sup>TM</sup> (Rajah 1). Produk *GanoCare*<sup>TM</sup> merupakan campuran bahan serbuk organik tandan sawit kosong (TSK) diadun dengan unsur surih (*trace elements*) seperti boron, kuprum, ferus, silikon, mangan, dan lain-lain yang dapat meningkatkan kandungan enzim tumbuhan serta berfungsi untuk membina ketahanan serta mencegah serangan kulat *Ganoderma* ke atas pokok sawit di ladang iaitu dengan menebalkan dinding sel akar dan batang pokok (Rajah 2).

Keberkesanan baja berorganik *GanoCare*<sup>TM</sup> untuk pencegahan dan mengawal penyakit *Ganoderma* pada anak pokok sawit telah diuji di tapak semaian. Kajian di tapak semaian mendapati aplikasi *GanoCare*<sup>TM</sup> telah meningkatkan pertumbuhan vegetatif anak pokok sawit. Aplikasi produk ini didapati dapat mengurangkan kejadian penyakit sebanyak 63.5%. Kajian di ladang menunjukkan anak pokok sawit yang dirawat dengan *GanoCare*<sup>TM</sup> masih hidup berbanding dengan 23.3% pokok sawit tanpa rawatan *GanoCare*<sup>TM</sup> mati disebabkan jangkitan *Ganoderma* selepas 30 bulan percubaan dijalankan.



Rajah 1. Produk *GanoCare*<sup>TM</sup> a) NRICH OCSpecial *GanoCare*<sup>TM</sup> b) NRICH Organic *GanoCare*<sup>TM</sup>.



Rajah 2. Rajah yang diambil menggunakan alat ujian pengimbas elektron (SEM) menunjukkan (a) keratan rentas dinding sel akar pokok sawit yang dirawat menggunakan *GanoCare*<sup>TM</sup> adalah lebih tebal berbanding (b) pokok yang tidak dirawat.





## **KARI DAGING TETEL DENGAN UMBUT BAKTRIS**



### **Bahan**

1. 500 g daging tetel (dipotong kecil)
2. 500 g umbut baktris (dibersihkan dan dipotong kecil)
3. 3 ulas bawang merah
4. 2 ulas bawang putih
5. 1 cm halia
6. 50 g serbuk kari daging
7. 1 paket cili giling (mengikut kesesuaian)
8. 1 sudu teh pes asam jawa
9. 250 ml santan sawit (*Khalis*)
10. 3 cawan air
11. 3 tangkai daun kari
12. Gula dan garam secukup rasa
13. Sedikit rempah tumis - kulit kayu manis, bunga lawang, cengkik dan buah pelaga

### **Cara Penyediaan**

1. Panaskan minyak dan tumis bawang merah, bawang putih, kulit kayu manis, bunga lawang, cengkik, buah pelaga dan daun kari sehingga naik bau.
2. Masukkan cili giling dan rempah kari. Tumis rempah hingga pecah minyak.
3. Masukkan daging dan gaul sebati. Tambahkan sedikit air.
4. Masukkan umbut baktris dan biarkan sehingga daging empuk.
5. Masukkan santan sawit dan terus masak dengan api perlahan.
6. Apabila umbut dan daging telah empuk, masukkan asam jawa, garam dan gula. Sesuaikan rasa dan sedia untuk dihidang.



Resipi disumbangkan oleh:  
*Nurul Mastura Romli (IRED)*

### **PENGUMUMAN**

*Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB.*

**Sudut Kreatif Warta Sawit**  
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620  
50720 Kuala Lumpur  
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

# SEDUTAN AKHBAR

**Tajuk : GENERASI KEDUA DAN KETIGA FELDA DISARAN IKUTI KOML**

**Sumber : BERNAMA, 9 September 2014**

ROMPIN - Golongan belia khususnya generasi kedua dan ketiga peneroka FELDA di negara ini disaran mengikuti Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) bagi melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam sektor perladangan sawit.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon berkata langkah itu dapat memastikan sektor perladangan sawit dapat terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, di samping mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

"Berdasarkan keluasan ladang sawit seluruh Malaysia kini, guna tenaga yang diperlukan berdasarkan nisbah seorang pekerja kepada 8 ha ladang sawit ialah 666 075 orang. Saya difahamkan sehingga Jun 2014, industri ladang sawit mengalami kekurangan guna tenaga seramai 30 865 orang. Pada masa yang sama seramai 345 463 orang atau 78.13% daripada 442 175 orang tenaga kerja dalam sektor ladang sawit terdiri daripada pekerja asing," katanya.

**Tajuk : LANGKAH LANJUTKAN EKSPORT TANPA CUKAI MINYAK SAWIT MENTAH DAPAT REAKSI POSITIF PASARAN**

**Sumber : BERNAMA, 26 Oktober 2014**

KUALA KANGSAR - Langkah kerajaan melanjutkan eksport tanpa cukai ke atas minyak sawit mentah (MSM) sehingga Disember ini memberi kesan stabil terhadap harga komoditi itu di pasaran.

Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad berkata langkah kerajaan itu turut diikuti oleh pengeluar besar lain, sekali gus memberi impak lebih besar terhadap industri.

"Trend ini juga akan menghala kepada kekukuhan industri biodiesel," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan program Semarak Minda Komuniti 1Malaysia di Dataran Pavilion di sini hari ini.

Ketika ditanya sama ada langkah eksport tanpa cukai itu wajar dilanjutkan sehingga tahun 2015, Wan Mohammad Khair-il Anuar berkata pihaknya masih memantau harga pasaran minyak sawit dunia sebelum membuat apa-apa keputusan mengenai perkara tersebut.

**Tajuk : MALAYSIA BAKAL IMPLEMENTASI PROGRAM BIODIESEL B7 BULAN HADAPAN**

**Sumber : BERNAMA, 29 Oktober 2014**

KUALA LUMPUR - Selaku pengeluar minyak sawit terbesar di dunia selepas Indonesia, Malaysia bakal mengimplementasikan program Biodiesel B7 bagi menyokong sektor tersebut, mulai bulan hadapan.

Laporan yang disiarkan oleh BERNAMA hari ini menyebut, usaha ini dilihat mampu meningkatkan pasaran domestik yang berasaskan biodiesel daripada sawit.

Menurut Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, implementasi ini sepatutnya bermula pada November ini di Semenanjung, dengan Sarawak, Sabah dan Wilayah Labuan pada Disember. Di mana barisan kabinet telah pun meluluskan implementasi program B7 ini pada 17 Oktober yang lalu.

"Program B7 ini dijangka mampu menggunakan 575 000 t daripada biodiesel. Di mana ia mampu menyumbang penjimatan sehingga 667.6 juta liter diesel setahun," kata Uggah. Beliau turut berkata, implementasi program ini mampu meletakkan Malaysia lebih jauh dengan negara-negara maju yang lain dalam penggunaan sumber-sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Sambungan dari muka surat 12

**Tajuk : MSPO AKAN DILAKSANAKAN PADA JANUARI 2015 - UGGAH**

Sumber : BERNAMA, 1 November 2014

KUALA LUMPUR – Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampaan Malaysia (MSPO) akan dilaksanakan pada Januari 2015, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Beliau berkata standard dan pensijilan MSPO itu juga boleh menjadi asas bagi penjenamaan minyak sawit Malaysia.

“Prinsip dan kriteria di bawah MSPO telah dimuktamadkan dan ujian lapangan telah selesai,” katanya dalam ucapan beliau di majlis makan malam Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM) di sini, hari ini. Uggah berkata industri penapisan Malaysia menjadi peneraju dalam pasaran eksport dan bekerjasama dengan sektor perladangan, perkilangan, oleokimia dan biodiesel untuk menjana lebih banyak hasil dan tokokan nilai bagi negara.

**Tajuk : PEMAIN INDUSTRI PERLADANGAN DIGESA TERIMA TEKNOLOGI BAHARU, LAKSANA INOVASI**

Sumber : UTUSAN BORNEO, 25 November 2014

KUCHING – Bagi memastikan industri perladangan terus berkembang maju, pemainnya digesa menerima pakai teknologi baharu, melaksanakan inovasi dan meningkatkan usaha pengkomersialan R&D termasuk dibangunkan oleh pelbagai institusi penyelidikan di negara ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, sekiranya usaha tersebut dilaksanakan, kerajaan yakin dan percaya sasaran untuk mencapai RM 242.6 bilion pendapatan eksport daripada produk berasaskan komoditi pada tahun 2020 yang disasarkan dalam Dasar Komoditi Negara dapat direalisasikan.

“Industri minyak sawit di Malaysia pada masa kini meliputi kawasan tanaman seluas 5.3 juta hektar yang mewakili 16.6% daripada penggunaan tanah di negara ini.

“Ia merupakan sumber penting pendapatan eksport, dengan jumlah keseluruhan eksport pada 2013 bernilai RM 63.2 bilion,” katanya dalam ucapan yang dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementeriannya, Datuk Himmat Singh Ralla Singh pada Majlis Perasmian Persidangan dan Pameran Industri Perladangan Antarabangsa (IPiCEX 2014) ke-4 di Hotel Riverside Majestic di sini, semalam.





## ECOBAC-1 (EC) SEBAGAI ALTERNATIF KEPADA KIMIA BAGI PENGURUSAN BERSEPADU ULAT BUNGKUS DI LADANG SAWIT

Ulat bungkus merupakan serangga perosak sawit yang utama di Malaysia. Penurunan hasil sawit akibat serangan ulat bungkus berpunca daripada kerosakan daun sawit. Kerosakan 10%-13% permukaan daun menyebabkan hasil berkurangan sebanyak 33%-40%. Serangga berfaedah termasuk parasitoid dan pemangsa memainkan peranan penting bagi mengawal ulat bungkus daripada menyerang pokok sawit. Namun penggunaan bahan kimia sebagai insektisid boleh menjejaskan atau memusnahkan serangga parasitoid dan pemangsa. MPOB menyarankan agar Ecobac-1 (EC) digunakan bagi menggantikan bahan kimia bagi pengurusan bersepadu perosak (IPM) serangga perosak daun sawit seperti ulat bungkus.

Produk berasaskan mikrob, *Bacillus thuringiensis* (Bt) seperti Ecobac-1 (EC) selamat digunakan dan tidak menjejaskan persekitaran; serangga bermanfaat seperti parasitoid; pemangsa ulat bungkus dan kumbang pendebungaan. Ecobac-1 (EC) merupakan emulsi pekatan MPOB-Bt1 yang dihasilkan khas di MICROTEC MPOB bagi mengawal serangan ulat bungkus di ladang sawit. Kini lebih daripada 40 000 liter Ecobac-1 (EC) telah digunakan secara semburan udara di Selatan Perak dan Johor bagi mengawal serangan ulat bungkus.

Semburan Ecobac-1 (EC) lebih berkesan daripada penggunaan bahan kimia seperti *Dipterex*. Penggunaan Ecobac-1 (EC) juga spesifik terhadap sasaran dan tidak memudaratkan serangga bermanfaat, menjadikan ia komponen ideal bagi IPM menggantikan bahan kimia.

### PEWARTAAN ULAT BUNGKUS SEBAGAI PEROSAK BERBAHAYA

Serangan ulat bungkus yang serius bermula pada 2002 di Selatan Perak dengan jumlah kawasan

serangan seluas 1394 ha. Kesenambungan serangan ulat bungkus dari kawasan yang gagal melaksanakan langkah kawalan ke kawasan yang berhampiran, seperti yang berlaku di beberapa negeri di Malaysia menyebabkan serangan ulat bungkus menjadi lebih serius.

Ulat bungkus telah diwartakan sebagai makhluk perosak berbahaya (*Rajah 1*) pada 15 November 2013 (Warta Kerajaan Persekutuan Akta 167). Semua pemilik ladang dan kebun sawit dikehendaki mengawal perosak berbahaya mengikut prosedur piawaian (SOP). Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan (Akta 167) sekiranya perosak berbahaya ini dibiarkan tanpa kawalan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 10 000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Beberapa siri program kesedaran tentang pewartaan ulat bungkus sebagai perosak berbahaya telah dijalankan sepanjang 2014 di RISDA Espek Slim River, Layang-layang (Kluang), FELDA Kahang (Kluang), Simpang Renggam, Labis (Segamat) dan Chamek (Kluang).



Rajah 1. Perisytiharan ulat bungkus sebagai perosak berbahaya dalam Akta Kuarantin Tumbuhan 1976.



Sumbangan:  
Siti Ramlah Ahmad Ali  
(ramlah@mpob.gov.my)

# DIARI & PERISTIWA

## JANUARI-APRIL 2015

Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi	
<b>SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB</b>				
<b>ZON UTARA</b>				
Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil	26/3/2015	Sungai Petani, Kedah (MPOB Caw. Taiping)	<b>Penyelaras TUNAS Zon Selatan 1</b> Nursuhana Dahari Tel : 07-7891 133 nursuhana@mpob.gov.my  <b>Penyelaras TUNAS Zon Selatan 2</b> Hasmiza Desa Tel: 07-454130 hasmiza.desa@mpob.gov.my  <b>Penyelaras TUNAS Zon Tengah</b> Parthiban Kannan Tel : 03-8926 1854 parthiban@mpob.gov.my  <b>Penyelaras TUNAS Zon Timur</b> Mohd. Khairul Anwar Isnin Tel : 09-2960 580 khairulanwar@mpob.gov.my  <b>Penyelaras TUNAS Zon Utara</b> Tan Say Peng Tel : 05-6234 104 saypeng@mpob.gov.my  <b>Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1</b> Arfan Johari Tel: 083-436273 arfan@mpob.gov.my  <b>Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 2</b> Khairul Abidin Tel: 085-427166 khairul.abidin@mpob.gov.my  <b>Penyelaras TUNAS Zon Sabah 1</b> Amran Arifin Tel : 088-493700 amranarifin@mpob.gov.my  <b>Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2</b> Shakir Alid Tel: 089-897107 shakir@mpob.gov.my	
Roadshow Promosi Skim TBSPK/TSSPK dan Kursus Amalan Pertanian Baik (GAP) - Teknikal Sawit	1/2015 1/2015 15/1/2015	Kg Gajah, Perak (MPOB Caw. Seri Iskandar) Bota, Perak (MPOB Caw. Seri Iskandar) Sungai Siput, Perak (MPOB Caw. Taiping)		
Kursus Amalan Pertanian Baik (GAP)	6/1/2015 3/2/2015 2/4/2015	Sik dan Yan, Kedah (MPOB Wil. Utara) Nibong Tebal dan Sg Bakap (MPOB Wil. Utara) Pendang dan Gurun (MPOB Wil. Utara)		
Kursus GAP dan Promosi Keahlian Koperasi	15/4/2015	Selama, Taiping (MPOB Caw. Taiping)		
Taklimat Penubuhan Koperasi	3/2015	Kg Gajah/Bota, Perak (MPOB Caw. Seri Iskandar)		
Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi	20/3/2015	Selama, Perak (MPOB Caw. Taiping)		
Kursus Pembajaan Sawit	2/2015	Manjung, Perak (MPOB Caw. Seri Iskandar)		
Kursus Pemangkasan dan Penuaian	4/2015	Setiawan, Perak (MPOB Caw. Seri Iskandar)		
<b>ZON TENGAH</b>				
Lawatan Sambil Belajar	4/3/2015	Sepang, Selangor (MPOB UKM)		
Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil	8/4/2015	Port Dickson, Negeri Sembilan (MPOB Seremban)		
Seminar Kelab 30 Tan	27/5/2015	Sabak Bernam, Selangor (MPOB Kuala Selangor)		
<b>ZON SELATAN</b>				
Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil	26/3/2015 30/3/2015 26/2/2015 17/2/2015	Mukim Layang-layang dan Murnijaya, Johor Rimba Terjun, Pontian, Johor Mukim Paloh, Johor Mukim Sedili, Johor		
<b>ZON SABAH</b>				
Kursus Sehari Pekebun Kecil Sawit	15/1/2015 3/2/2015 11/3/2015 12/3/2015 12/3/2015 19/3/2015 26/3/2015 28/4/2015	Kalabakan, Sabah (MPOB Caw. Tawau) Kota Kinabalu, Sabah (MPOB Wil. Sabah) Beaufort, Sabah (MPOB Caw. Beaufort) Kota Kinabalu, Sabah (MPOB Wil. Sabah) Sook, Sabah (MPOB Caw. Keningau) Tg. Labian, Sabah (Stn. MPOB Lahad Datu) Segama, Sabah (Stn. MPOB Lahad Datu) Kota Marudu, Sabah (MPOB Caw. Kota Marudu)		

Sambungan dari muka surat 15

Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi
<b>SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB</b>			
<b>ZON SABAH</b>			
Taklimat GAP/MSPO	12/1/2015 9 & 15/1/2015 4 & 17/2/2015 10 & 12/3/2015 8 & 14/4/2015 26/2/2015 11/3/2015 6/4/2015 28/4/2015	Keningau, Sabah (MPOB Caw. Keningau) Beaufort, Sabah (MPOB Caw. Beaufort) Beaufort, Sabah (MPOB Caw. Beaufort) Beaufort, Sabah (MPOB Caw. Beaufort) Beaufort, Sabah (MPOB Caw. Beaufort) Kota Marudu, Sabah (MPOB Caw. Kota Marudu) Kota Marudu, Sabah (MPOB Caw. Kota Marudu) Sook, Sabah (MPOB Caw. Keningau) Merotai, Sabah (MPOB Caw. Tawau)	
Kursus Sehari Bersama Kelab 30 Tan	10/2/2015	Kota Marudu, Sabah (MPOB Caw. Kota Marudu)	
Roadshow Skim Bantuan TBSPK/TSSPK	20/1/2015 29/1/2015 10/2/2015 12/2/2015 18/2/2015 2/4/2015 22/4/2015 14/4/2015	Dewan Serbaguna Mukim Litang (Stn. MPOB Lahad Datu) Dewan Serbaguna Kg Terusan (Stn. MPOB Lahad Datu) Semporna, Sabah (MPOB Caw. Tawau) Dewan Serbaguna Tawoi Maratu (MPOB Caw. Kinabatangan) Beluran, Sabah (MPOB Caw. Beluran) Kg Namukon, Sabah (MPOB Caw. Telupid) Beluran, Sabah (MPOB Caw. Beluran) Kota Marudu, Sabah (MPOB Caw. Kota Marudu)	
Lawatan Sambil Belajar	6/1/2015 24/3/2015	Kota Marudu, Sabah (MPOB Caw. Kota Marudu) Kota Kinabalu, Sabah (MPOB Wil. Sabah)	
<b>KURSUS KEMAHIRAN MENGGRED BUAH SAWIT</b>			
Wilayah Utara	24-26/3/2015	Akan diberitahu kemudian	Norazman Mohd Yob Tel: 03-8769 4874 azmanyob@mpob.gov.my
Wilayah Tengah	14-16/4/2015		
Wilayah Utara	24-26/3/2015		
Wilayah Sabah	21-23/4/2015		
<b>KURSUS OPERATOR MEKANISASI LADANG (KOML)</b>			
Tahap 1	April 2015 (4 bulan)	PLASMA Keratong, Pahang	Mohd Solah Deraman/ Siti Balqis Jaafar Tel: 09-451 4400 solah@mpob.gov.my balqis@mpob.gov.my
<b>KURSUS PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN NURSERI SAWIT</b>			
Wilayah Sarawak	24-25/3/2015	Akan diberitahu kemudian	Mohd Hakeem Osman Tel: 03-8769 4396 hakem@mpob.gov.my
Wilayah Sabah	14-15/4/2015		
<b>INTENSIVE DIPLOMA IN OIL PALM MANAGEMENT AND TECHNOLOGY (IDOPMT)</b>			
Semester 1	8-24/3/2015	MPOB Bangi, Selangor	Omar Kamal Tel: 03-8769 4869 omarkama@mpob.gov.my
Semester 2	6-30/4/2015		
Amali	4-8/5/2015		
Semester 3	11/5-1/6/2015		

# IKLAN

**M**POB mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam berwarna) adalah RM 800 manakala saiz A4 (halaman belakang) adalah RM 1000. Diskaun 20% diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Semua cek adalah atas nama 'Ketua Pengarah MPOB'. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Nur Hanani Mansor  
(Tel: 03-8769 4257)  
nurhanani@mpob.gov.my

atau


Che Nurul Syuhadah Che Kamarudin  
(Tel: 03-8769 4650)  
shuhadah@mpob.gov.my

Faks: 03-8920 2932

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Bilangan terbitan	Keluaran	Tarikh akhir tempahan dan penghantaran filem dan cek
59/2015	Jan – April 2015	31 Mac 2015
60/2015	Mei – Ogos 2015	31 Julai 2015
61/2015	Sep – Dis 2015	30 Nov 2015

## Slip Tempahan

 Ketua Pengarah MPOB  
6, Persiaran Institusi  
Bandar Baru Bangi  
43000 Kajang, Selangor  
**U/P: Che Nurul Syuhadah - Unit Khidmat Pengembangan**  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam (warna)	<input type="checkbox"/> (satu keluaran) RM 800	<input type="checkbox"/> (tiga keluaran) RM 1920
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM 1000	<input type="checkbox"/> RM 2400

Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	<i>Warta Sawit</i> Bil:

Tandatangan

Tarikh

# Berita Bergambar



Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu, Timbalan Ketua Menteri Sarawak (kanan) diiringi oleh Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri MPIC (dua dari kanan) melawat gerai pameran MPOB sempena program Hello Komoditi Betong, Sarawak yang diadakan pada 8 November 2014. Turut kelihatan, Dr Burhanuddin Abd Salam, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Khidmat Korporat (dua dari kiri).

Sebahagian pekebun kecil yang hadir di Seminar Pekebun Kecil sempena Hello Komoditi Betong, Sarawak pada 8 November 2014.



Wakil KPSM Daerah Tungku menyampaikan cenderamata kepada Hj Hamdan Abu Bakar (enam dari kanan) sempena lawatan Ahli Lembaga KPSM Daerah Tungku Berhad, Sabah ke Ibu Pejabat MPOB Bangi, Selangor pada 26 November 2014.



Pekebun kecil diberikan penerangan oleh Pegawai TUNAS berkenaan penyelenggaraan pokok sawit sempena Kursus Sehari Pekebun Kecil Sawit Daerah Tenom, Sabah yang diadakan pada 20 September 2014.



Graduan Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) menerima sijil yang disampaikan oleh Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, Pengerusi MPOB (tengah) sempena Majlis Penganugerahan Sijil KOML yang diadakan di PLASMA Keratong, Pahang pada 9 September 2014. Turut kelihatan Dr Ahmad Kushairi Din, Timbalan Ketua Pengarah (R&D) (kanan).

Peserta program mendengar taklimat yang disampaikan sempena program Roadshow MSPO yang diadakan pada 22 Disember 2014 bertempat di Hotel BK, Tawau, Sabah.



Hj Mohamad Nor Abdul Rahman, Pengarah Bahagian Pengurusan Kewangan dan Pembangunan (kiri) menyampaikan cenderahati kepada wakil Pemimpin Masyarakat Simunjan, Parlimen Batang Sadong, Sarawak sempena lawatan mereka ke Ibu Pejabat MPOB, Bangi pada 3 November 2014.

